

**FAQ BAGI PEMBAYARAN GAJI 2 KALI SEBULAN SECARA RINTIS
BAGI JABATAN PERDANA MENTERI DAN KEMENTERIAN KEWANGAN DAN
JABATAN-JABATAN DIDALAMNYA**

1. Apakah rasional bagi pembayaran gaji 2 kali sebulan?

- i. Meningkatkan keberkesanan pengurusan aliran tunai Pegawai dan Kakitangan untuk membiayai keperluan harian.
- ii. Memudahkan perancangan perbelanjaan; dan
- iii. Membantu kelangsungan aktiviti komersial dan perekonomian dalam negara dan seterusnya menjadikan ekonomi domestik lebih berdayatahan.

2. Bagaimanakah pembayaran gaji 2 kali sebulan ini dilaksanakan?

- i. Bagi gaji bulan
 - Gaji bersih dibahagi kepada 2
 - Semua potongan dibahagi 2
 - Separuh daripadanya akan dibayar pada pertengahan bulan; dan
 - Separuh lagi akan dibayar pada penghujung bulan.
 - Slip gaji masih dikeluarkan seperti biasa;

Contoh

Awang Ahmad menerima Gaji, Elaun Sara Hidup, Elaun Pelajaran, Elaun Memangku secara berpanjangan, Elaun-Elaun Kemahiran tertentu. Manakala Potongan yang dibuat dari gaji bulanan beliau ialah pempotongan TAP, SCP, Pinjaman Rumah, Pinjaman Kenderaan, potongan Dana Masjid.

Keseluruhan jumlah potongan akan ditolak dari jumlah gaji dan elaun-elaun seperti contoh berikut:

CONTOH SLIP GAJI SEBULAN SEKARANG

Gaji/Elaun	Jumlah Sebulan	Potongan	Jumlah Sebulan
Gaji Pokok	\$2,130.00	TAP	\$107.00
Elaun Kurnia Khas	\$170.00	SCP	\$74.55
Elaun Sara Hidup	\$120.00	Pinjaman Kenderaan	\$200.00
Elaun Pelajaran	\$240.00	Pinjaman Rumah	\$350.00
Elaun Memangku	\$370.00	Dana Masjid	\$2.00
Jumlah	\$3,030.00		\$733.55
Jumlah Gaji Bersih	\$2,296.45		

CONTOH SLIP GAJI 2 KALI SEBULAN

Gaji/Elaun	Jumlah Sebulan	Potongan	Jumlah Sebulan
Gaji Pokok	\$2,130.00	TAP	\$107.00
Elaun Kurnia Khas	\$170.00	SCP	\$74.55
Elaun Sara Hidup	\$120.00	Pinjaman Kenderaan	\$200.00
Elaun Pelajaran	\$240.00	Pinjaman Rumah	\$350.00
Elaun Memangku	\$250.00	Dana Masjid	\$2.00
Elaun Kemahiran	\$120.00		
Jumlah	\$3,030.00		\$733.55
Jumlah Gaji Bersih	\$2,296.45		
Pembayaran Gaji Pertama	\$1,515.00 - \$366.78 = \$1,148.23	50% daripada Gaji dan Elaun-Elaun dan 50% daripada segala potongan-potongan	
Pembayaran Gaji Kedua	\$1,515.00 - \$366.78 = \$1,148.22	50% daripada Gaji dan Elaun-Elaun dan 50% daripada segala potongan-potongan	

ii. Gaji Hari

- Pembayaran bagi kakitangan bergaji hari juga akan dibuat 2 kali sebulan. Ini akan dilaksanakan melalui sistem berkomputer Daily Rated Payroll (DRP). Jabatan yang berkenaan akan memasukkan kedalam sistem DRP pada minggu pertama setiap bulan bagi kedatangan penuh bagi bulan berkenaan. Mana-mana potongan termasuk ketidakhadiran bekerja pada bulan sebelumnya akan dipotong dari gaji bulan berikutnya;
- Jumlah keseluruhan ini akan dibahagikan 2 dan dibayar pada pertengahan dan hujung bulan berkenaan.

iii. Gaji melalui Baucar Pembayaran

- Bagi gaji yang dibayar melalui Baucar Pembayaran, jumlah gaji dan potongan bulanan dibahagi dua untuk dibayar dan dipotong pada pertengahan dan penghujung bulan.

3. Adakah kakitangan bergaji hari akan mula menerima slip gaji?

Slip gaji kakitangan bergaji hari akan dikeluarkan melalui sistem DRP kepada semua kakitangan bergaji hari. Slip akan dicetak oleh setiap jabatan dimana kakitangan bertugas. Contoh slip gaji kakitangan bergaji hari adalah seperti berikut:



KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA DAN YANG DI-PERTUAN

NOMBOR KAKITANGAN:
NOMBOR KAD PENGENALAN:
NAMA:
KEMENTERIAN/ JABATAN:
LOKASI:
SEKSYEN:

CARA PEMBAYARAN: EFT
BANK: TAIB1
NOMBOR AKAUN:

TARIKH PEMBAYARAN: 8/15/2017
TIMESHEET ID: DR170059528

BAYARAN		POTONGAN	
BUTIRAN	JUMLAH	BUTIRAN	JUMLAH
Special Allowance	\$200.00	TAP Employee	\$13.00
Open Vote & Daily Paid Salary	\$242.00	SCP Deduction Employee	\$8.47
Living Allowance	\$170.00		
JUMLAH ELAUN	\$612.00	JUMLAH POTONGAN	\$21.47

JUMLAH PEMBAYARAN BAGI 8/15/2017 : \$ 690.53

TARIKH PEMBAYARAN: 8/30/2017
TIMESHEET ID: DR170059529

BAYARAN		POTONGAN	
BUTIRAN	JUMLAH	BUTIRAN	JUMLAH
Special Allowance	\$200.00	TAP Employee	\$15.00
Open Vote & Daily Paid Salary	\$290.40	SCP Deduction Employee	\$10.16
Living Allowance	\$170.00		
JUMLAH ELAUN	\$660.40	JUMLAH POTONGAN	\$25.16

JUMLAH PEMBAYARAN BAGI 8/30/2017 : \$ 635.24

JUMLAH PEMBAYARAN GAJI HARI: \$1,225.77

4. Apakah jenis-jenis elaun yang tidak termasuk di dalam pembayaran gaji dua kali ini?

Pencen Perkhidmatan, Elaun Pencen Tua dan Elaun Gelaran.

5. Siapakah yang terlibat bagi projek rintis ini?

Semua pegawai-pegawai dan kakitangan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan termasuk yang berjawatan tetap, berkontrak, sebulan kesebulan, open vote, bergaji hari dan Pegawai dari Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan yang dipinjamkan ke Kementerian dan Jabatan lain. Projek ini akan dilaratkan ke Kementerian-Kementerian lain pada satu masa yang akan ditetapkan kemudian.

6. Kenapa pelaksanaan rintis inisiatif ini hanya melibatkan Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan

Perlaksanaan inisiatif secara rintis ini adalah bagi membolehkan Jabatan Perbendaharaan menilai dan meneliti maklumbalas yang diperolehi daripada pelaksanaan program ini sebelum menimbangkan untuk melaratkannya ke agensi lain.

Memandangkan Sistem Gaji Berkomputer dan Sistem Gaji Hari adalah di bawah kawalan Jabatan Perbendaharaan maka pelaksanaan rintis di Kementerian Kewangan akan memudahkan Jabatan Perbendaharaan untuk mendapatkan maklumbalas segera dari pegawai dan kakitangan yang terlibat.

7. Apakah pelaksanaan pembayaran gaji dua kali sebulan ini dilartkan kepada Badan-Badan Berkanun dan Government Link Companies?

Tidak, walaubagaimanapun pihak Badan-Badan Berkanun dan Government Link Companies yang berkeinginan untuk melaksanakan inisiatif ini, ianya adalah tertakluk jua kepada ketetapan-ketetapan Lembaga masing-masing.

8. Apakah faedah pembayaran 2 kali sebulan ini?

- i. Memudahkan perancangan perbelanjaan;
- ii. Pegawai-pegawai dan kakitangan akan menerima gaji awal dari sebelumnya; dan
- iii. Meningkatkan keberkesanan pengurusan aliran tunai Pegawai dan Kakitangan untuk membiayai keperluan harian;

9. Adakah Bonus tahunan juga akan dibahagikan 2 selaras dengan pembayaran gaji 2 kali sebulan?

Tidak, Pembayaran Bonus akan dibayar sekali sahaja iaitu pada penghujung bulan Disember setiap tahun.

10. Adakah Gaji, Elaun Tanggungjawab, Elaun Memangku dan mana-mana elaun yang dibayar secara kebelakangan termasuk dalam projek rintis ini?

Ya, jika gaji dan elaun-elaun yang dibayar secara kebelakangan melalui sistem gaji berkomputer gaji bulan dan gaji hari adalah termasuk di dalam pembayaran gaji dua bulan. Jumlah ini akan dibahagi dua bagi pembayaran di pertengahan dan penghujung bulan. Walaubagaimanapun, jika pembayaran dibuat secara berasingan dan bukan melalui sistem gaji berkomputer, pembayaran akan dibuat sepenuhnya.

11. Apakah kaedah menyukat keberkesanan projek ini?

Jabatan Perbendaharaan akan melaksanakan kajiselidik untuk mendapatkan maklumbalas dari Pegawai dan Kakitangan yang terlibat dan pembaikan-pembaikan akan dibuat dalam memastikan keberkesanan projek ini memenuhi matlamat projek rintis ini.

12. Bagaimana tatacara bayaran gaji separuh bagi kakitangan yang dikenakan tindakan tatatertib?

Pembayaran gaji akan dibahagi 2 dan dibayar pada pertengahan dan penghujung bulan.

13. Apakah status pembayaran bagi mereka yang baru melapor contoh pada 13 haribulan iaitu sebelum *cut-off* pembayaran gaji pertama?

- i. Bagi bulan pertama iaitu mulai 13 haribulan hingga hujung bulan akan dibayar keseluruhan pada penghujung bulan menggunakan baucar pembayaran melalui sistem TAFIS; dan
- ii. Bagi gaji bulan berikutnya akan dibayar mengikut projek rintis gaji 2 kali sebulan.

14. Apakah kesan keatas penilaian permohonan pinjaman peribadi ke bank mengambilkira pembayaran gaji 2 kali sebulan ini?

Projek rintis ini tidak akan memberi sebarang impak kepada tatacara penilaian pinjaman dari pihak bank.

15. Apakah kaedah mengendalikan potongan dan pembayaran nafkah?

Nafkah akan dibayar sekali sahaja pada hujung bulan mengambilkira semua potongan dibuat sebelum gaji bersih dibahagi dua.

16. Adakah kakitangan yang *seconded* di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan juga terlibat di dalam projek ini?

Semua pegawai dan kakitangan yang dibayar dibawah peruntukan Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan adalah termasuk dalam projek rintis ini.

17. Bagaimanakah proses pelaksanaan pembayaran bagi pegawai dan kakitangan yang berpindah daripada/kepada Kementerian yang terlibat dalam projek rintis ini?

- i. Jika berpindah keluar daripada Kementerian yang terlibat dalam projek rintis, pembayaran akan dibuat sebulan sekali
- ii. Jika berpindah masuk ke Kementerian yang terlibat dalam projek rintis, pembayaran akan dibuat 2 kali sebulan.

**SOALAN-SOALAN BERKAITAN DENGAN TINDAKAN-TINDAKAN
PIHAK INSTITUSI KEWANGAN**

- 1. Apakah tindakan pihak Bank bagi memastikan kejayaan pelaksanaan inisiatif pembayaran gaji dua kali ini secara rintis?**
 - i. Segala potongan pinjaman peribadi, pinjaman perumahan, pinjaman pembelian kenderaan dan mana-mana pinjaman lain yang dipotong terus daripada gaji bulanan akan dibahagikan kepada 2 dan ditolak dari setiap pembayaran gaji;
 - ii. Pembayaran gaji akan dibayar mengikut tarikh-tarikh yang ditetapkan oleh Jabatan Perbendaharaan; dan
 - iii. Mana-mana tuntutan bank yang dibayar secara berasingan termasuk bayaran *Over The Counter* (OTC) dan penggunaan kad kredit akan dikendalikan sendiri oleh kakitangan itu sendiri.

- 2. Bagaimanakah kedudukan potongan-potongan yang diluar daripada komitmen Kerajaan seperti pinjaman bank dan institusi kewangan yang lain?**
 - i. Pihak bank dan institusi kewangan akan menahan separuh daripada jumlah potongan sebulan pada pembayaran gaji pertama, manakala separuh lagi akan dipotong pada pembayaran gaji yang kedua; dan
 - ii. Mana-mana pinjaman yang dibayar melalui kaunter seperti pembayaran kad kredit adalah atas tanggungjawab individu mengikut perjanjian dengan pihak bank dan institusi kewangan berkenaan.

SOALAN-SOALAN YANG BERKAITAN DENGAN TINDAKAN-TINDAKAN YANG AKAN DIBUAT OLEH JABATAN

1. Apakah tindakan Jabatan bagi memastikan kejayaan pelaksanaan inisiatif pembayaran gaji secara dua kali ini secara rintis?

- i. Proses penghantaran maklumat kepada *Government Payroll System (GPS)* yang diamalkan pada masa ini adalah tidak berubah.
- ii. Slip Gaji hanya akan dikeluarkan sekali sahaja bagi setiap bulan;
- iii. Perubahan proses bagi pembayaran kakitangan bergaji hari adalah seperti berikut:
 - Bermula gaji **Januari 2018**, Slip Gaji kakitangan akan dicetak melalui sistem *Daily Rated Payroll (DRP)* oleh setiap jabatan dan diserahkan kepada setiap kakitangan bergaji hari;
 - Penyediaan DRP dibuat pada minggu pertama setiap bulan dan dihantar ke Jabatan Perbendaharaan dalam minggu yang sama; dan
 - Mana-mana potongan ketidakhadiran berkerja pada bulan berkenaan akan dibuat pada gaji bulan berikutnya.

2. Adakah jabatan perlu menyediakan perkiraan 2 kali kepada Jabatan Perbendaharaan?

Tidak perlu, memandangkan perkiraan pembahagian gaji dilaksanakan secara automatik melalui sistem GPS atau DRP dan hanya disediakan sekali sahaja seperti lazimnya dilaksanakan sekarang.